



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 67
No. 4

26hb Januari 2023

*TAMBAHAN No. 2
PERUNDANGAN*

M. P.U. 2.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002

PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI MELAKA)

(CARA PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN PENGAJARAN MUALLAF) 2023

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Borang

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA HAL EHWAL MUALLAF

4. Penubuhan Jawatankuasa
5. Fungsi Jawatankuasa

Peraturan

6. Keanggotaan Jawatankuasa
7. Tempoh jawatan
8. Penamatan pelantikan
9. Pembatalan pelantikan
10. Pelantikan anggota gantian
11. Setiausaha
12. Mesyuarat
13. Kuorum
14. Notis
15. Kehadiran wakil
16. Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat Jawatankuasa
17. Minit
18. Elaun

BAHAGIAN III**TATACARA MEMELUK AGAMA ISLAM**

19. Penerangan sebelum memeluk agama Islam
20. Majlis pengislaman
21. Kelayakan saksi

BAHAGIAN IV**PENDAFTARAN MUALLAF**

22. Permohonan pendaftaran muallaf
23. Pendaftaran pengislaman di hadapan Pendaftar Muallaf
24. Daftar Muallaf
25. Perakuan Memeluk Agama Islam
26. Permohonan pindaan butiran
27. Pendaftaran anak atau anak dalam jagaan yang belum mencapai umur lapan belas tahun sebagai muallaf
28. Permohonan pendaftaran sukarela

BAHAGIAN V
PENJAGAAN MUALLAF

Peraturan

- 29. Bantuan
- 30. Perlindungan

BAHAGIAN VI
PENGAJARAN MUALLAF

- 31. Kelas bimbingan Islam
- 32. Pusat latihan dan bimbingan Islam
- 33. Kumpulan tenaga pengajar

BAHAGIAN VII
PELBAGAI

- 34. Status agama
- 35. Penukaran nama dalam kad pengenalan
- 36. Peruntukan kewangan
- 37. Arahan Majlis kepada Jawatankuasa dan Pendaftar Muallaf

JADUAL

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002

PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI MELAKA)

(CARA PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN PENGAJARAN MUALLAF) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 110(2)(i) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Majlis dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat Peraturan-Peraturan berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) (Cara Pendaftaran, Penjagaan dan Pengajaran Muallaf) 2023**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Daftar Muallaf” ertinya suatu rekod yang mengandungi butir-butir orang yang telah memeluk agama Islam sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 24;

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002;

“Jabatan” ertinya Bahagian Balai Islam Majlis atau nama-nama lain yang membawa maksud suatu bahagian yang diberi kuasa oleh Majlis untuk menguruskan hal ehwal muallaf;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Hal Ehwal Muallaf yang ditubuhkan di bawah peraturan 4;

“Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama” ertinya pegawai yang dilantik oleh Majlis di bawah seksyen 67 Enakmen;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Melaka yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen;

“pegawai” ertinya mana-mana pegawai di Jabatan yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal muallaf termasuklah Penolong Pegawai dan Pembantu Pegawai;

“Pendaftar Muallaf” ertinya seseorang yang telah dilantik oleh Majlis di bawah seksyen 98 Enakmen;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Muallaf di bawah peraturan 6; dan

“Perakuan Memeluk Agama Islam” ertinya suatu perakuan yang dikeluarkan kepada orang yang telah memeluk agama Islam di bawah seksyen 100 Enakmen.

Borang

3. (1) Borang yang ditetapkan yang dirujuk dalam Peraturan-Peraturan ini ialah borang yang berkaitan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Borang yang ditetapkan yang disenaraikan dalam Jadual hendaklah digunakan bagi maksud yang disebut dalam borang itu masing-masing.

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA HAL EHWAL MUALLAF

Penubuhan Jawatankuasa

4. Majlis hendaklah menubuhkan suatu jawatankuasa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Hal Ehwal Muallaf yang hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa perkara yang berhubungan dengan hal ehwal muallaf.

Fungsi Jawatankuasa

5. Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi seperti yang berikut:

- (a) menasihati Majlis dalam apa-apa perkara yang berhubung dengan pendaftaran, penjagaan dan pengajaran bagi muallaf;
- (b) memantau pelaksanaan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan hal ehwal muallaf;
- (c) menyemak dan memperakukan laporan tahunan berkaitan dengan hal ehwal muallaf sebelum dikemukakan kepada Majlis;
- (d) memperakukan apa-apa cadangan aktiviti tahunan Jabatan yang berkaitan dengan hal ehwal muallaf sebelum dikemukakan kepada Majlis;
- (e) mencadangkan kepada Majlis apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan hal ehwal muallaf; dan
- (f) menerima dan melaksanakan apa-apa arahan yang diberikan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Keanggotaan Jawatankuasa

6. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Mufti sebagai Pengerusi;
- (b) Setiausaha Majlis sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) empat orang anggota yang hendaklah terdiri daripada orang yang pada masa itu memegang jawatan yang berikut:
 - (i) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya;
 - (ii) Ketua Polis Negeri atau wakilnya;
 - (iii) Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri atau wakilnya; dan
 - (iv) Pengarah, Jabatan Pendaftaran Negara atau wakilnya
- (d) tidak lebih daripada lapan anggota lain yang layak dan sesuai, sekurang-kurangnya tiga orang daripada mereka hendaklah muallaf yang dilantik oleh Majlis.

(2) Jika pada bila-bila masa orang yang memegang jawatan di bawah subperenggan 6(1)(c)(i), (ii) atau (iv) bukan orang yang beragama Islam, Majlis hendaklah melantik pegawai kanan lain yang beragama Islam daripada jabatannya.

Tempoh jawatan

7. (1) Anggota Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis di bawah perenggan 6(1)(d) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula oleh Majlis.

(2) Apa-apa pelantikan semula anggota di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam masa tiga bulan sebelum tamat tempoh pelantikannya.

Penamatan pelantikan

8. Pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(d) hendaklah tamat—

- (a) apabila dia meninggal dunia;
- (b) jika peletakan jawatannya melalui notis secara bertulis yang ditujukan kepada Majlis diterima;
- (c) apabila tamat tempoh pelantikannya; atau
- (d) jika dia tidak berada di Malaysia, bagi tempoh melebihi tiga bulan berturut-turut tanpa kebenaran bertulis daripada Pengerusi.

Pembatalan pelantikan

9. Majlis boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(d) jika—

- (a) dia telah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah oleh mana-mana mahkamah;
- (b) kelakuannya, sama ada berkaitan dengan kewajipannya sebagai anggota Jawatankuasa atau selainnya, adalah kelakuan yang memburukkan nama Majlis atau Jawatankuasa;
- (c) dia diisytiharkan bankrap yang belum dilepaskan;
- (d) dia tidak berupaya menjalankan tugasnya dengan sempurna sebagai anggota Jawatankuasa;
- (e) dia tidak menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa apa-apa alasan yang munasabah; atau
- (f) atas apa-apa sebab lain, dia didapati tidak lagi layak menjadi anggota Jawatankuasa.

Pelantikan anggota gantian

10. (1) Majlis boleh melantik mana-mana orang yang layak untuk mengisi kekosongan mana-mana anggota yang telah ditamatkan pelantikannya di bawah peraturan 8 atau dibatalkan pelantikannya di bawah peraturan 9.

(2) Seseorang yang dilantik di bawah subperaturan (1) hendaklah memegang jawatannya selama baki tempoh jawatan anggota yang digantinya.

Setiausaha

11. (1) Pendaftar Muallaf hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa.

(2) Setiausaha hendaklah menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitiannya, tetapi tidak berhak mengundi.

Mesyuarat

12. (1) Semua mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dipanggil oleh Setiausaha atas arahan Pengerusi.

(2) Pengerusi, atau dalam masa ketidakhadirannya Timbalan Pengerusi, hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa.

(3) Jika Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak hadir dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa, anggota-anggota yang hadir hendaklah memilih salah seorang daripada kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tiga bulan.

(5) Walau apa pun yang diperuntukkan di bawah subperaturan (4), Pengerusi boleh, pada bila-bila masa mengarahkan Setiausaha memanggil mesyuarat, jika perlu.

(6) Semua keputusan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibuat secara persetujuan atau melalui ketetapan majoriti anggota yang hadir dan berhak mengundi, dan jika terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

Kuorum

13. Tujuh orang anggota Jawatankuasa hendaklah membentuk kuorum mesyuarat.

Notis

14. Sekurang-kurangnya tujuh hari notis bertulis hendaklah diberikan mengenai mana-mana mesyuarat Jawatankuasa, tetapi Pengerusi boleh, jika dia berpendapat bahawa ada keperluan mendesak untuk memanggil suatu mesyuarat dengan notis yang lebih singkat, mengarahkan supaya kehendak notis tujuh hari itu diketepikan.

Kehadiran wakil

15. Jika seorang anggota yang dilantik di bawah subperenggan 6(1)(c)(i), (ii) atau (iv) tidak dapat menghadiri sesuatu mesyuarat Jawatankuasa, anggota itu hendaklah diwakili oleh pegawai lain yang beragama Islam daripada jabatan atau bahagian yang sama dengannya dalam mesyuarat itu dan berhak mengundi.

Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat Jawatankuasa

16. (1) Pengerusi boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa.

(2) Mana-mana orang yang hadir di bawah subperaturan (1) tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

Minit

17. (1) Semua minit mesyuarat Jawatankuasa hendaklah disenggarakan dan disimpan oleh Setiausaha Jawatankuasa.

(2) Pada tiap-tiap kali mesyuarat, minit mesyuarat yang sebelumnya hendaklah dibaca dan disahkan, tertakluk kepada apa-apa pindaan yang diperlukan.

(3) Minit mesyuarat yang telah disahkan di bawah subperaturan (2) hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi.

(4) Minit mesyuarat Jawatankuasa yang telah ditandatangani oleh Pengerusi hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Majlis.

(5) Apa-apa minit mesyuarat Jawatankuasa yang telah ditandatangani dengan sewajarnya oleh Pengerusi hendaklah dalam apa-apa prosiding, boleh diterima sebagai keterangan *prima facie* tentang fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

Elaun

18. Tiap-tiap anggota Jawatankuasa termasuk Setiausaha boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

BAHAGIAN III**TATACARA MEMELUK AGAMA ISLAM****Penerangan sebelum memeluk agama Islam**

19. Mana-mana orang yang menguruskan pengislaman seseorang hendaklah bertanggungjawab untuk memberi penerangan mengenai pengertian dua kalimah Syahadah kepada mana-mana orang yang ingin memeluk agama Islam.

Majlis pengislaman

20. (1) Mana-mana orang yang ingin memeluk agama Islam hendaklah mengucap dua kalimah Syahadah di hadapan Pendaftar Muallaf atau mana-mana pegawai atau mana-mana orang yang menguruskan pengislaman seseorang muallaf itu dan disaksikan oleh dua orang saksi.

(2) Bagi memenuhi kehendak subperaturan (1), bantuan Juru Bahasa Isyarat bolehlah diperolehi untuk menguruskan pengislaman orang pekak, bisu atau kedua-duanya sekali.

(3) Pendaftar Muallaf atau mana-mana pegawai atau mana-mana orang yang menguruskan pengislaman seseorang muallaf boleh, selepas muallaf tersebut mengucap dua kalimah syahadah di hadapannya, memberikan penerangan mengenai Islam, tugas dan kewajipan sebagai seorang Islam, kesan pengislaman dan tanggungjawab terhadap keluarga asalnya yang bukan beragama Islam.

Kelayakan saksi

21. Seseorang yang menjadi saksi dalam majlis pengislaman di bawah subperaturan 20(1) hendaklah—

- (a) beragama Islam;
- (b) mempunyai akal yang waras; dan
- (c) berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun.

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN MUALLAF

Permohonan pendaftaran muallaf

22. (1) Seseorang muallaf boleh membuat permohonan bagi pendaftaran memeluk agama Islam di Jabatan dengan mengemukakan borang yang ditetapkan.

(2) Tertakluk kepada kehendak-kehendak seksyen 99 Enakmen, Pendaftar Muallaf hendaklah bertanggungjawab untuk mendaftarkan permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) dalam Daftar Muallaf.

Pendaftaran pengislaman di hadapan Pendaftar Muallaf

23. Walau apa pun peraturan 22, Pendaftar Muallaf hendaklah mendaftarkan pengislaman mana-mana orang yang dibuat di hadapannya dalam Daftar Muallaf.

Daftar Muallaf

24. Suatu Daftar Muallaf hendaklah mengandungi butir-butir seperti yang berikut:

- (a) bilangan daftar;
- (b) tarikh daftar;
- (c) nombor siri Perakuan Memeluk Agama Islam;
- (d) nama asal;

- (e) nama baru (jika ada);
- (f) agama atau kepercayaan dahulu;
- (g) bangsa;
- (h) nombor kad pengenalan, polis, tentera atau pasport;
- (i) alamat surat-menyurat;
- (j) alamat tempat tinggal;
- (k) tarikh, tempat dan masa memeluk agama Islam;
- (l) status perkahwinan;
- (m) orang yang menguruskan pengislaman, jika berkaitan;
- (n) nama dan butiran saksi, jika berkaitan;
- (o) nama dan tandatangan Pendaftar Muallaf yang dimeterai dengan sewajarnya pada tiap-tiap pendaftaran; dan
- (p) apa-apa butiran lain yang disifatkan perlu oleh Pendaftar Muallaf untuk direkodkan.

Perakuan Memeluk Agama Islam

25. (1) Mana-mana orang yang telah didaftarkan sebagai seorang muallaf di bawah subperaturan 22(2) atau peraturan 23 hendaklah diberi suatu Perakuan Memeluk Agama Islam sebagaimana dalam borang yang ditetapkan.

(2) Jika Perakuan Memeluk Agama Islam hilang, terbakar atau rosak, seseorang muallaf bolehlah mendapatkan satu Salinan Perakuan Memeluk Agama Islam yang baru dengan membuat permohonan dalam borang yang ditetapkan.

(3) Pendaftar Muallaf selepas berpuas hati dengan alasan yang dinyatakan di bawah subperaturan (2), hendaklah mengeluarkan Perakuan Memeluk Agama Islam yang baru kepada pemohon.

Permohonan pindaan butiran

26. (1) Seseorang muallaf boleh memohon untuk meminda atau membetulkan apa-apa butiran berkenaan dengan dirinya dalam Perakuan Memeluk Agama Islam dengan menggunakan borang yang ditetapkan dan mengemukakan kepada Pendaftar Muallaf.

(2) Pendaftar Muallaf, selepas berpuas hati dengan permohonan itu, boleh membuat pindaan atau pembetulan ke atas butiran dalam Daftar Muallaf dan mengeluarkan suatu Perakuan Memeluk Agama Islam dengan butiran yang baru.

(3) Jika Pendaftar Muallaf mendapati maklumat yang dinyatakan dalam subperaturan (2) adalah palsu, beliau hendaklah merujukkan perkara tersebut kepada Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama bagi tujuan siasatan.

Pendaftaran anak atau anak dalam jagaan yang belum mencapai umur lapan belas tahun sebagai muallaf

27. (1) Mana-mana ibu atau bapa atau penjaga yang memeluk agama Islam dan mempunyai anak atau anak dalam jagaan yang belum mencapai umur lapan belas tahun, boleh membuat permohonan untuk mendaftarkan anak atau anak dalam jagaan itu sebagai seorang muallaf dengan menggunakan borang yang ditetapkan.

(2) Anak atau anak dalam jagaan yang belum mencapai umur lapan belas tahun yang ibu atau bapa atau penjaganya bukan beragama Islam, setelah mendapat keizinan daripada ibu atau bapa atau penjaganya, hendaklah membuat permohonan memeluk agama Islam dalam borang yang ditetapkan.

(3) Tiap-tiap permohonan pendaftaran di bawah subperaturan (1) dan (2) hendaklah tertakluk kepada peraturan 20, 21, 22, 23, 24 dan 25 kecuali atas sebab-sebab yang difikirkan munasabah oleh Pendaftar Muallaf.

(4) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, “anak dalam jagaan” ertinya anak yang di bawah umur lapan belas tahun yang dijaga oleh seseorang selain daripada ibu atau bapanya.

Permohonan pendaftaran sukarela

28. Mana-mana orang yang telah memeluk agama Islam dan belum mendaftarkan dirinya sebagai muallaf, boleh memohon pada bila-bila masa kepada Pendaftar Muallaf untuk mendaftarkan pengislamannya mengikut tatacara yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan ini.

BAHAGIAN V

PENJAGAAN MUALLAF

Bantuan

29. (1) Seseorang muallaf yang telah didaftarkan adalah layak untuk menerima bantuan sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis seperti yang berikut:

- (a) bayaran saguhati memeluk agama Islam;
- (b) kelengkapan ibadah;
- (c) pendidikan asas fardhu ain; dan
- (d) perbelanjaan pengebumian jenazah.

(2) Walau apa pun bantuan yang dinyatakan dalam subperaturan (1), seseorang muallaf boleh memohon untuk mendapatkan bantuan seperti yang berikut sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dengan menggunakan borang yang ditetapkan:

(a) bantuan sara hidup;

(b) bantuan tempat tinggal; dan

(c) bantuan bagi apa-apa pendidikan atau latihan yang difikirkan perlu oleh Majlis, termasuklah pengajian Islam, akademik dan kemahiran.

(3) Majlis boleh, menurut budi bicaranya, memberikan apa-apa bantuan lain yang difikirkan perlu.

(4) Tempoh sesuatu bantuan yang diberikan kepada seseorang muallaf adalah tertakluk kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa dari semasa ke semasa.

(5) Tertakluk kepada subperaturan (1), tiada apa-apa bantuan boleh diberikan kepada mana-mana muallaf yang bukan warganegara Malaysia, melainkan dengan kelulusan Majlis.

Perlindungan

30. Majlis hendaklah menyediakan apa-apa bentuk perlindungan yang difikirkan perlu kepada muallaf.

BAHAGIAN VI

PENGAJARAN MUALLAF

Kelas bimbingan Islam

31. (1) Majlis hendaklah menganjurkan kelas bimbingan Islam yang sesuai untuk memberikan pengetahuan dan meningkatkan kefahaman Islam kepada muallaf.

(2) Seseorang muallaf yang telah didaftarkan di bawah peraturan 22 atau 23, hendaklah menghadiri kelas bimbingan Islam yang ditetapkan oleh Majlis di bawah subperaturan (1).

(3) Pendaftar Muallaf boleh, jika difikirkan perlu dan munasabah, mengecualikan mana-mana muallaf daripada menghadiri mana-mana kelas bimbingan Islam yang dinyatakan di bawah subperaturan (2).

(4) Majlis boleh membayar kepada mana-mana muallaf yang menghadiri kelas bimbingan Islam yang diadakan, apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Pusat latihan dan bimbingan Islam

32. Majlis hendaklah menyediakan suatu pusat latihan dan bimbingan Islam bagi tujuan membimbing dan memantapkan akidah muallaf.

Kumpulan tenaga pengajar

33. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis dan atas nasihat Jawatankuasa, Majlis boleh melantik mana-mana orang yang berkelayakan untuk menjadi tenaga pengajar bagi tujuan peraturan 31 dan 32.

BAHAGIAN VII**PELBAGAI****Status agama**

34. Seseorang muallaf warganegara Malaysia yang telah didaftarkan, hendaklah tanpa kelewatan yang tidak munasabah, membuat permohonan kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk memasukkan status agama Islam dalam kad pengenalnya.

Penukaran nama dalam kad pengenalan

35. (1) Seseorang muallaf warganegara Malaysia yang telah didaftarkan, boleh membuat permohonan kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk menukar namanya di dalam kad pengenalan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Pendaftar Muallaf boleh, mengikut budi bicaranya, menghendaki seseorang muallaf menukar nama asalnya yang tidak sesuai kepada nama lain yang sesuai menurut Hukum Syarak.

(3) Mana-mana muallaf boleh merujuk kepada Jawatankuasa bagi mendapatkan nasihat berhubung nama-nama yang sesuai dan boleh digunakan.

Peruntukan kewangan

36. Peruntukan dalam pembahagian zakat kepada asnaf muallaf hendaklah digunakan bagi melaksanakan tanggungjawab dan aktiviti di bawah Bahagian V dan VI dalam Peraturan-Peraturan ini.

Arahan Majlis kepada Jawatankuasa dan Pendaftar Muallaf

37. Majlis boleh dari semasa ke semasa memberikan apa-apa arahan kepada Jawatankuasa dan Pendaftar Muallaf tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan hal ehwal muallaf.

JADUAL

[peraturan 3]

SENARAI BORANG

NO.	NAMA BORANG	
1.	BORANG A	PERMOHONAN PENDAFTARAN MUALLAF
2.	BORANG B	PERAKUAN MEMELUK AGAMA ISLAM
3.	BORANG C	PERMOHONAN MENDAPATKAN PERAKUAN MEMELUK AGAMA ISLAM YANG BARU/PINDAAN BUTIRAN
4.	BORANG D	PERMOHONAN PENDAFTARAN SEBAGAI MUALLAF OLEH IBU/ BAPA/PENJAGA BAGI *ANAK ATAU ANAK DALAM JAGAAN YANG BELUM MENCAPAI UMUR LAPAN BELAS (18) TAHUN
5.	BORANG E	PERMOHONAN MEMELUK AGAMA ISLAM *ANAK ATAU ANAK DALAM JAGAAN YANG BELUM MENCAPAI UMUR LAPAN BELAS (18) TAHUN

BORANG A

[subperaturan 22(1)]

PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA)
(CARA PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN PENGAJARAN MUALLAF) 2023

Bil. Daftar :

No. Siri Perakuan Memeluk Agama Islam :



MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA
KOMPLEKS DARUL HUDA
PUSAT PERKHIDMATAN DAN BIMBINGAN SAUDARA MUSLIM NEGERI
MELAKA,
LOT 42, JALAN KESIDANG 2/17, TAMAN KESIDANG SEK. 2, 75200 MELAKA
TEL: 06-337 2873/337 1521 FAX: 06-366 7809

BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN MUALLAF**A. MAKLUMAT DIRI**

1. Nama :
(seperti dalam sijil kelahiran, kad pengenalan atau pasport)
2. Nama Islam (sekiranya ada) :

3. No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Tentera/No. Polis :
4. Bangsa : 5. Kewarganegaraan : 6. Agama Asal :
7. Tarikh Lahir : 8. Tempat Lahir :
9. Alamat Tetap (seperti dalam kad pengenalan/pasport) :
.....
10. Alamat Surat-Menyurat :
.....
11. No. Telefon : (R) (H/P)(O)
12. Pekerjaan : 13. Pendapatan (*Bulanan/Harian) RM :
14. Alamat Tempat Kerja :
.....

B. MAKLUMAT KELUARGA

1. Status Perkahwinan :
2. Nama *Suami/Isteri :
3. No. K/P *Suami/Isteri :
4. Agama *Suami/Isteri :
5. Maklumat *Anak/Anak Dalam Jagaan:

BIL.	NAMA	UMUR	AGAMA

C. MAKLUMAT WARIS

NAMA PENUH (hubungan)	NO. KAD PENGENALAN	NO. TELEFON	ALAMAT TETAP	AGAMA

D. MAKLUMAT IBU BAPA

NAMA PENUH	NO. KAD PENGENALAN	NO. TELEFON	ALAMAT TETAP	AGAMA
BAPA :				
IBU :				

E. MAKLUMAT KESIHATAN

ANGGOTA DAN PANCAINDERA :

JENIS KECACATAN :

☐ Cacat☐ Terlantar☐ Buta/
Kurang Penglihatan☐ Pekak☐ Sempurna☐ Lain-lain☐ Cacat anggota
dan tangan☐ Lain-lain

Nyatakan :

Nyatakan :


JENIS PENYAKIT (Jika ada) :

☐ Buah pinggang/
Dialisis☐ Sakit mental☐ Lain-lain :☐ Sakit jantung☐ Kanser : Nyatakan :*Sila Sertakan Surat Perakuan
Sakit Daripada Doktor Bertauliah/Hospital
Kerajaan, sekiranya Berkaitan**F. ALASAN MEMELUK AGAMA ISLAM**☐ Perkahwinan☐ Ikut keluarga☐ Lain-lain :☐ Bantuan kebajikan☐ Kajian Islam : Pengetahuan Islam :**G. KENYATAAN KERELAAN HATI MEMELUK AGAMA ISLAM**

Saya
 No. Sijil Kelahiran/No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Tentera/No. Polis
 dengan ini mengaku dengan fikiran yang sempurna dan rela hati bahawa saya memeluk agama
 Islam kerana yakin bahawa Islam adalah agama yang benar. Dengan ini saya mengisytiharkan
 bahawa saya telah keluar daripada agama/kepercayaan asal saya dengan kehendak hati saya sendiri.

Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua kenyataan yang dinyatakan di atas adalah benar
 dan saya memahami sepenuhnya segala isi kandungannya.

Tarikh :

.....
(Tandatangan & Nama)

(Cap Ibu Jari Pemohon)

H. STATUS PENGISLAMAN

Saya **Bersetuju/Tidak Bersetuju** pengislaman saya dimaklumkan kepada Ibu/Bapa/
 Suami/Isteri/Waris. Saya ingin memaklumkan bahawa pengislaman saya adalah Sulit/
 Terbuka.

I. CATATAN ORANG YANG MENGURUSKAN PENGISLAMAN MUALLAF

(i) Penerangan mengenai pengertian dua kalimah syahadah, penerangan mengenai Islam, tugas
 dan kewajipan sebagai seorang Islam, kesan pengislaman dan tanggungjawab terhadap
 keluarga asalnya yang bukan beragama Islam telah/belum diberikan kepada muallaf.

(ii) Pemohon telah mengucap dua kalimah syahadah di hadapan saya pada:

Tarikh :

Masa :

Tempat :

(iii) Saksi :

Saksi Pertama	Saksi Kedua
Nama :	Nama :
No. K/P. :	No. K/P. :
No. Tel. :	No. Tel. :
Jawatan/ Pekerjaan :	Jawatan/ Pekerjaan :
Alamat :	Alamat :
.....	
Tandatangan :	Tandatangan :

(iv) Maklumat Yang Mengislamkan:

Nama : No. Kad Pengenalan :.....

Jawatan/Pekerjaan : No. Tel. :

Alamat Surat-Menyurat :

.....

Tarikh : (Tandatangan)

J. AKUAN JURU BAHASA/JURU BAHASA ISYARAT (JIKA BERKENAAN)

.....

.....

.....

Nama :

*(No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Tentera/No. Polis) :

Alamat :

.....

..... (Tandatangan dan Nama)

(*Potong mana yang tidak berkenaan)

(UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA)

Saya dengan ini memperakui dan mengesahkan bahawa (Nama)

*(No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Tentera/No. Polis)

telah memeluk agama Islam pada

Tarikh Pendaftaran: (Tandatangan Pendaftar Muallaf)

(*Potong mana yang tidak berkenaan)


BORANG B

[subperaturan 25(1)]

PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA)
(CARA PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN PENGAJARAN MUALLAF) 2023

PERAKUAN MEMELUK AGAMA ISLAM

MUKA HADAPAN

LOGO MELAKA		LOGO MAIM
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA		
KAD AKUAN MEMELUK ISLAM CONVERSION TO ISLAM CERTIFICATION CARD		
GAMBAR	Nama Asal / Non-Muslim Name:	
	Nama Islam / Muslim Name:	
	IC No./Passport No.:	Bil. Daftar/Registration:
	Jantina/Gender:	Bangsa/Race:
	Tarikh Memeluk Islam / Date of Conversion to Islam	

MUKA BELAKANG

BIL. DAFTAR / REGISTRATION #:	
1. Kad Akuan Memeluk Islam ini dikeluarkan kepada orang yang memeluk Agama Islam dan didaftarkan di dalam Daftar Muallaf Negeri Melaka berdasarkan Seksyen 99 & 100 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 sebagai perakuan memeluk Islam.	1. This Conversion to Islam Certification Card is issued to person who has converted to the religion of Islam and registered in the Register of Muallafs in accordance to Section 99 & 100 Administration of the Religion of Islam (State of Melaka) Enactment 2002 as a certification of his/her conversion to the religion of Islam.
2. Sesiapa yang menjumpai Kad ini hendaklah mengembalikannya atau menghubungi:	2. Anyone who found this Card should return it or contact:
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA PUSAT ISLAM MELAKA, 75150 BUKIT PALAH, MELAKA Tel: 06-2837416 / 06-2832077 / 06-3372873 Fax : 06-2826033	
..... Pendaftar Muallaf MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA	QR CODE Sila imbas QR Code Menggunakan Aplikasi MAIM

BORANG C

[subperaturan 25(2)]

[subperaturan 26(1)]

PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA)
(CARA PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN PENGAJARAN MUALLAF) 2023



MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA
KOMPLEKS DARUL HUDA
PUSAT PERKHIDMATAN DAN BIMBINGAN SAUDARA MUSLIM NEGERI MELAKA,
LOT 42, JALAN KESIDANG 2/17, TAMAN KESIDANG SEK. 2, 75200 MELAKA
TEL.: 06-337 2873/337 1521 FAX: 06-366 7809

**BORANG PERMOHONAN MENDAPATKAN PERAKUAN MEMELUK AGAMA ISLAM
YANG BARU/PINDAAN BUTIRAN**

Maklumat Pemohon

1. Nama Asal :
2. Nama Islam :
3. No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Tentera/No. Polis :
4. Bil. Daftar Memeluk Agama Islam :
5. Tarikh Memeluk Agama Islam :
6. Alamat:
.....
7. No. Telefon : (R) (H/P) (O)
8. Sebab Permohonan (sekiranya berkaitan):

Hilang ☐ . Rosak ☐

Kebakaran ☐ . Lain-lain (Sila nyatakan) ☐

(*Sila sertakan salinan laporan polis/akuan sumpah)

9. Butiran Pindaan (sekiranya berkaitan):

BUTIRAN ASAL	BUTIRAN PINDAAN	ALASAN PINDAAN

(Sila sertakan salinan Perakuan Memeluk Agama Islam yang asal)

Berdasarkan maklumat di atas, saya memohon untuk mendapatkan salinan Perakuan Memeluk Agama Islam yang baru. Saya mengakui bahawa segala maklumat di atas adalah benar.

Tarikh :

.....
(Tandatangan Pemohon)

BORANG D

[subperaturan 27(1)]

PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA)
(CARA PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN PENGAJARAN MUALLAF) 2023



3 KEPING
GAMBAR
UKURAN
PASPORT

MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA
KOMPLEKS DARUL HUDA
PUSAT PERKHIDMATAN DAN BIMBINGAN SAUDARA MUSLIM NEGERI MELAKA,
LOT 42, JALAN KESIDANG 2/17, TAMAN KESIDANG SEK. 2, 75200 MELAKA
TEL.: 06-337 2873/337 1521 FAX: 06-366 7809

BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN SEBAGAI MUALLAF
OLEH IBU/BAPA/PENJAGA BAGI ANAK ATAU ANAK DALAM JAGAAN YANG
BELUM MENCAPAI UMUR LAPAN BELAS (18) TAHUN.

A. BUTIR-BUTIR IBU/BAPA/PENJAGA PEMOHON

1. Nama :
(seperti dalam sijil kelahiran, kad pengenalan atau pasport)
2. Nama Islam (sekiranya ada) :
3. No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Tentera/No. Polis :
4. Bangsa : 5. Kewarganegaraan : 6. Agama Asal :
7. Tarikh Lahir : 8. Tempat Lahir :
9. Alamat Tetap (seperti dalam kad pengenalan/pasport) :
.....
10. Alamat Surat-Menyurat :
.....
11. No. Telefon : (R) (H/P)(O)
12. Pekerjaan : 13. Pendapatan (*Bulanan/Harian) RM :
14. Alamat Tempat Kerja :
15. Taraf Perkahwinan :
16. Nama *Suami/Isteri :
17. *No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Tentera/No. Polis :
18. Alamat *Suami/Isteri :
.....

B. MAKLUMAT *ANAK/ANAK DALAM JAGAAN

1. Nama :
(seperti dalam sijil kelahiran, kad pengenalan atau passport)
2. Nama Islam (sekiranya ada) :
3. No. Kad Pengenalan/No. Pasport : 4. Bangsa :
5. Agama Asal : 6. No. Sijil Pengangkatan (sekiranya ada) :

(*Sila sertakan gambar anak/anak dalam jagaan)


C. ALASAN MEMELUK AGAMA ISLAM

- ☐ Perkahwinan ☐ Ikut Keluarga ☐ Lain-lain :
- ☐ Bantuan Kebajikan ☐ Kajian Islam : Pengetahuan Islam

D. KEIZINAN IBU/BAPA/PENJAGA

Saya, *ibu/bapa/penjaga kepada *anak/anak dalam jagaan saya sebagaimana yang tersebut di atas dengan ini bersetuju membawa *anak/anak dalam jagaan saya itu yang belum mencapai umur lapan belas (18) tahun memeluk agama Islam bersama-sama saya. Saya turunkan cap ibu jari saya di bawah ini di hadapan dua orang saksi.

Tarikh :



.....

Tandatangan

(Cap Ibu Jari
Ibu/Bapa/Penjaga)

E. SAKSI**Saksi Pertama**

Nama :

No. K/P :

No. Tel. :

Jawatan/

Pekerjaan :

Alamat :

.....

Tandatangan :

Saksi Kedua

Nama :

No. K/P :

No. Tel. :

Jawatan/

Pekerjaan :

Alamat :

.....

Tandatangan :

F. MAKLUMAT YANG MENGISLAMKAN

Nama : No. Kad Pengenalan :

Jawatan/Pekerjaan : No. Tel. :

Alamat Surat-Menyurat :

.....

Tarikh : (Tandatangan)

G. AKUAN JURU BAHASA/JURU BAHASA ISYARAT (JIKA BERKENAAN)

.....

.....

.....

Nama :

*(No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Tentera/No. Polis) :

Alamat :

.....

.....
(Tandatangan dan Nama)

(*Potong mana yang tidak berkenaan)

(UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA)

Saya dengan ini memperakui dan mengesahkan bahawa (Nama)

*(No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Tentera/No. Polis)

telah memeluk agama Islam pada

Tarikh Pendaftaran:
(Tandatangan Pendaftar Muallaf)

(*Potong mana yang tidak berkenaan)

BORANG E

[subperaturan 27(2)]

PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA)
(CARA PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN PENGAJARAN MUALLAF) 2023



MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA
KOMPLEKS DARUL HUDA
PUSAT PERKHIDMATAN DAN BIMBINGAN SAUDARA MUSLIM NEGERI
MELAKA,
LOT 42, JALAN KESIDANG 2/17, TAMAN KESIDANG SEK. 2, 75200 MELAKA
TEL.: 06-337 2873/337 1521 FAX: 06-366 7809

BORANG PERMOHONAN MEMELUK AGAMA ISLAM *ANAK ATAU ANAK
DALAM JAGAAN YANG BELUM MENCAPAI UMUR LAPAN BELAS (18) TAHUN.

A. BUTIR-BUTIR PEMOHON

1. Nama :
(seperti dalam sijil kelahiran, kad pengenalan atau pasport)
2. Nama Islam (sekiranya ada) :
3. No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Tentera/No. Polis :
4. Bangsa : 5. Kewarganegaraan : 6. Agama Asal :
7. Tarikh Lahir : 8. Tempat Lahir :
9. Alamat Tetap (seperti dalam kad pengenalan/pasport) :
.....
10. Alamat Surat-Menyurat :
.....
11. No. Telefon : (R) (H/P)(O)
12. Pekerjaan : 13. Pendapatan (*Bulanan/Harian) RM :
14. Alamat Tempat Kerja :
.....

B. ALASAN MEMELUK AGAMA ISLAM

- ☐ Perkahwinan ☐ Ikut Keluarga ☐ Lain-lain :
- ☐ Bantuan Kebajikan ☐ Kajian Islam : Pengetahuan Islam

C. MAKLUMAT KESIHATAN

ANGGOTA DAN PANCAINDERA :

☐ Cacat☐ Terlantar☐ Sempurna☐ Lain-lain

JENIS KECACATAN :

☐ Buta/
Kurang Penglihatan☐ Pekak☐ Cacat anggota
dan tangan☐ Lain-lain

Nyatakan :

Nyatakan :

JENIS PENYAKIT (Jika ada) :

☐ Buah pinggang/
Dialisis☐ Sakit mental☐ Lain-lain :☐ Sakit jantung☐ Kanser : Nyatakan :

*Sila Sertakan Surat Perakuan
Sakit Darpada Doktor Bertauliah/Hospital
Kerajaan, sekiranya Berkaitan


D. MAKLUMAT IBU BAPA

NAMA PENUH	NO. KAD PENGENALAN	NO. TELEFON	ALAMAT TETAP	AGAMA
BAPA :				
IBU :				

E. KEIZINAN IBU/BAPA/PENJAGA

Saya, *ibu/bapa/penjaga kepada *anak/anak dalam jagaan saya sebagaimana yang tersebut di atas, dengan ini memberi keizinan kepada anak/anak dalam jagaan saya itu yang belum mencapai umur lapan belas (18) tahun untuk memeluk agama Islam. Saya turunkan cap ibu jari saya di bawah ini di hadapan dua orang saksi. Saya juga mengesahkan bahawa semua kenyataan saya yang dinyatakan di atas adalah benar dan saya memahami sepenuhnya segala isi kandungannya.


Tarikh :



(Cap Ibu Jari
Ibu/Bapa/Penjaga)

.....
Tandatangan

Tarikh :



(Cap Ibu Jari
Anak/Anak Dalam Jagaan)

.....
Tandatangan

F. SAKSI

Saksi Pertama	Saksi Kedua
Nama :	Nama :
No. K/P :	No. K/P :
No. Tel. :	No. Tel. :
Jawatan/ Pekerjaan :	Jawatan/ Pekerjaan :
Alamat :	Alamat :
.....	
Tandatangan :	Tandatangan :

G. MAKLUMAT YANG MENGISLAMKAN

Nama : No. Kad Pengenalan :

Jawatan/Pekerjaan :No. Tel. :

Alamat Surat-Menyurat :

.....

Tarikh : (Tandatangan)

H. AKUAN JURU BAHASA/JURU BAHASA ISYARAT (JIKA BERKENAAN)

.....

.....

.....

Nama :

*(No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Tentera/No. Polis) :

Alamat :

.....

.....
(Tandatangan dan Nama)

(*Potong mana yang tidak berkenaan)

(UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA)

Saya dengan ini memperakui dan mengesahkan bahawa (Nama)

*(No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Tentera/No. Polis)

telah memeluk agama Islam pada

Tarikh Pendaftaran:
(Tandatangan Pendaftar Muallaf)

(* Potong mana yang tidak berkenaan)

Dibuat pada 3 Januari 2023

[MAIM.100-1/11/1; PUNM-700.02/37 Jilid 4]

DATUK SERI UTAMA HJ SULAIMAN BIN MD ALI
Pengerusi
Majlis Agama Islam Melaka

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF MALACCA) ENACTMENT 2002

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (STATE OF MALACCA)
(METHOD OF REGISTRATION, CARE AND TEACHING OF *MUALLAF*)
REGULATIONS 2023

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Forms

PART II

COMMITTEE OF *MUALLAF*'S AFFAIRS

4. Establishment of the Committee
5. Functions of the Committee
6. Membership of the Committee
7. Tenure of office
8. Termination of appointment
9. Revocation of appointment
10. Appointment of the substitute member
11. Secretary
12. Meetings
13. Quorum
14. Notice
15. Attendance of the representative
16. Attendance of non-members at meetings of the Committee
17. Minutes
18. Allowances

PART III

PROCEDURE FOR CONVERSION TO THE RELIGION OF ISLAM

Regulation

19. Explanation before conversion to the religion of Islam
20. Conversion ceremony
21. Qualification of witness

PART IV

REGISTRATION OF *MUALLAF*

22. Application of the registration of *muallaf*
23. Registration of conversion in front of the Registrar of *Muallafs*
24. Register of *Muallafs*
25. Certificate of Conversion to the Religion of Islam
26. Application to amend the particulars
27. Registration of child or child under custody who has not attained the age of eighteen years old as *Muallaf*
28. Application of voluntary registration

PART V

CARE OF *MUALLAF*

29. Assistance
30. Protection

PART VI

TEACHING OF *MUALLAF*

31. Class on Islamic guidance
32. Islamic training and guidance centre
33. Teaching force

PART VII

MISCELLANEOUS

Regulation

34. Status of religion
35. Change of name in the identity card
36. Financial provision
37. Direction of Majlis to the Committee and the Registrar of *Muallafs*

SCHEDULE

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF MALACCA) ENACTMENT 2002

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (STATE OF MALACCA)
(METHOD OF REGISTRATION, CARE AND TEACHING OF *MUALLAF*)
REGULATIONS 2023

In exercise of the powers conferred by subsection 110(2)(i) Administration of the Religion of Islam (State of Malacca) Enactment 2002, Majlis with the approval of the Yang di-Pertuan Agong, makes the following Regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

